

**SEGERA DENGAN FAKS**

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.34 (22)  
Tarikh : 19 Oktober 2015

**Ketua Pengarang  
Sinar Harian**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTAJUK "BUNTU BELUM MILIKI MYKAD" BERTARIKH 14 OKTOBER 2015, RABU – M.S: 37 (JOHOR BAHRU)**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Encik Wandu Mahrif dan adik beliau, Baharudin Mahrif yang berdepan masalah untuk mendapatkan Mykad.

3. JPN telah mendapatkan pengesahan berkaitan sijil kelahiran Encik Wandu Mahrif dan mendapati beliau merupakan warganegara asing yang lahir di Malaysia. Hal ini jelas membuktikan bahawa mereka tidak mempunyai sebarang kelayakan tuntutan taraf warganegara sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

4. Ingin dijelaskan, lahir dan memiliki sijil kelahiran Malaysia bukanlah bermakna seseorang itu akan mendapat taraf warganegara secara automatik kerana taraf warganegara seseorang ditentukan berdasarkan status warganegara ibu bapa dan dokumen perkahwinan yang sah semasa kelahiran didaftarkan.

Sekian, terima kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah.

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.:  
1. YBhg. Dato' KPPN  
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)  
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)  
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)